

**Muhyiddin Cabar Lim Buktikan Sumbangannya Kepada P.Pinang
Bernama
26 April , 2012**

GEORGE TOWN, 26 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mencabar Ketua Menteri Lim Guan Eng membuktikan dakwaan kononnya beliau telah membangunkan negeri ini sejak mengambil alih tampuk pemerintahan di Pulau Pinang.

Katanya dakwaan Lim kononnya telah membawa pelaburan asing adalah satu pembohongan kerana usaha membawa pelabur asing tidak mungkin dapat dilakukan tanpa sumbangan kerajaan pusat menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa serta agensi-agensinya.

"Dia (Lim) kata selepas sebulan menjadi Ketua Menteri telah membawa pelaburan sejumlah yang besar, jadi saya mahu beliau buktikan dakwaan itu kerana semua itu adalah hasil kerajaan pusat dan kerajaan terdahulu.

"Apa yang ada sekarang ini di Pulau Pinang juga adalah sumbangan kerajaan terdahulu, kita juga mahu tahu apa yang beliau telah sumbangkan terutama dalam membantu kos sara hidup rakyat di negeri ini yang semakin meningkat," katanya semasa berucap pada Majlis Kenduri Rakyat 1Malaysia di Persiaran Mahsuri, Bayan Baru di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis yang dihadiri lebih 10,000 pengunjung itu ialah Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Teng Chang Yeow, Pengerusi MCA negeri Datuk Seri Dr Ng Yen Yen dan pemimpin komponen parti BN.

Muhyiddin berkata Ketua Menteri Pulau Pinang itu hanya 'menengek' dengan apa yang telah diusahakan dan dilaksanakan di negeri ini.

"Beliau 'menengek' sahaja, buat sikit-sikit sahaja ok lah kerana semua sudah ada," katanya.

Katanya kerajaan pusat telah memberi sumbangan kepada rakyat Pulau Pinang lebih daripada apa yang diberikan oleh kerajaan negeri.

"Kalau kerajaan negeri beri RM100, kita (kerajaan pusat) telah beri lebih daripada itu," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengesa rakyat Pulau Pinang untuk melihat masa depan yang lebih baik dan menyokong BN pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau meminta pengundi kawasan Parlimen Bayan Baru mengembalikan kawasan Parlimen dan tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di kawasan Parlimen itu kepada BN dem

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661998>